

SIDANG PANEL CELIK MORAL



YAP PIH THAU
SMK DATUK PETER MOJUNTING
PENAMPANG



CHIN MEE NA
SMK TAMAN TUN FUAD
KOTA KINABALU



CHIN CHAI LING
SMK PUTATAN
PENAMPANG



TRACY DEBORAH EGOL
SMK BAHANG
PENAMPANG



TING MIN MIN
SMK DATUK PETER MOJUNTING
PENAMPANG

ISI KANDUNGAN



1 NILAI UNIVERSAL

NOTA GRAFIK TINGKATAN 4

Bidang 5 Insan Bermoral

- 3** Unit 1 : Norma masyarakat pemangkin kesejahteraan
- 6** Unit 2 : Peribadi mulia hiasan diri
- 9** Unit 3 : Prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan
- 13** Unit 4 : Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika

Bidang 6 Jati Diri Moral

- 18** Unit 5 : Mantap integriti mantaplah jati diri
- 22** Unit 6 : Keluarga berintegriti keluarga disegani
- 26** Unit 7 : Berperikemanusiaan membentuk masyarakat sejahtera

Bidang 7 Moral dan Kenegaraan

- 29** Unit 8 : Hak dan tanggungjawab warganegara
- 31** Unit 9 : Perpaduan masyarakat asas kemakmuran negara
- 34** Unit 10 : Pengurusan perbelanjaan secara beretika
- 37** Unit 11 : Keunikan rakyat Malaysia
- 41** Unit 12 : Kedaulatan negara tanggungjawab bersama

NOTA GRAFIK TINGKATAN 5

Bidang 5 Insan Bermoral

- 44** Unit 1 : Norma masyarakat global membentuk keharmonian sejagat
- 46** Unit 2 : Ukir nama di mata dunia, jati diri berpisah tiada
- 48** Unit 3 : Kerohanian membentuk individu bermoral
- 50** Unit 4 : Penggunaan sumber dan penyebaran maklumat demi kesejahteraan sejagat

Bidang 6 Jati Diri Moral

- 53** Unit 5 : Integriti pemacu kecemerlangan organisasi
- 55** Unit 6 : Pembangunan negara bertunjangkan integriti
- 58** Unit 7 : Berperikemanusiaan pemangkin kesejahteraan global

Bidang 7 Moral dan Kenegaraan

- 61** Unit 8 : Penglibatan diri menerajui komuniti
- 64** Unit 9 : Kerjasama masyarakat global
- 67** Unit 10 : Pengurusan kewangan secara beretika menjamin keharmonian hidup
- 70** Unit 11 : Malaysia unggul di mata dunia
- 74** Unit 12 : Malaysia dalam hubungan antarabangsa

SET CELIK MORAL

- 77** Celik Moral 1
- 86** Celik Moral 2
- 94** Celik Moral 3
- 104** Celik Moral 4
- 111** Celik Moral 5
- 119** Celik Moral 6



PERATURAN PEMARKAHAN CELIK MORAL

- 128** Peraturan Pemarkahan Celik Moral 1
- 135** Peraturan Pemarkahan Celik Moral 2
- 142** Peraturan Pemarkahan Celik Moral 3
- 149** Peraturan Pemarkahan Celik Moral 4
- 156** Peraturan Pemarkahan Celik Moral 5
- 163** Peraturan Pemarkahan Celik Moral 6



NILAI UNIVERSAL





NOTA GRAFIK TINGKATAN 4

UNIT 1 NORMA MASYARAKAT PEMANGKIN KESEJAHTERAAN


Bidang 5 : Insan bermoral

SK 5.1 : Norma masyarakat

Cadangan nilai : hormat, hemah tinggi, toleransi, kesederhanaan, kebebasan



Setiap kaum mempunyai norma tersendiri yang diamalkan dalam kelompok masyarakat mereka. Norma masyarakat merujuk kepada perilaku atau tindakan yang diterima sebagai amalan dalam sesuatu kelompok, komuniti atau budaya.



CONTOH NORMA MASYARAKAT



Beratur ketika menggunakan pengangkutan awam.

Menghormati orang yang lebih tua.

Duduk ketika makan.

Mengetuk pintu sebelum masuk.

KEPENTINGAN AMALAN NORMA MASYARAKAT

Sebagai panduan bertingkah laku

- Membantu dan mengawal anggota masyarakat agar dapat memahami dan mengamalkan tingkah laku yang diterima dalam masyarakat.

Membentuk masyarakat yang teratur

- Individu yang membuat keputusan dan mengambil tindakan yang sesuai dengan norma masyarakat mampu melahirkan masyarakat yang teratur.

Membina masyarakat yang harmoni

- Anggota masyarakat yang sentiasa menjaga tingkah laku dan interaksi sosial yang baik dapat menghindari sebarang perselisihan.

Sebagai ukuran bertingkah laku

- Amalan norma yang diakui dan diterima akan menjadi ukuran sesebuah masyarakat.

KESAN PENGABAIAN NORMA MASYARAKAT

- Bertingkah laku tanpa mengambil kira kepentingan orang lain.

- Keputusan dan tindakan berasaskan keinginan dan pertimbangan diri sendiri sahaja.
- kurang melibatkan diri dalam aktiviti sosial.

Bersikap individualistik



- Perilaku yang bertentangan daripada norma masyarakat yang sepatutnya.

- Cara berkomunikasi yang kurang sopan dalam kalangan remaja.
- Menggunakan bahasa badan yang kurang menyenangkan.

Manusia kurang beradab



- Perubahan gaya hidup.

- Meminggirkan orang yang lebih tua.
- Pergaulan di luar batasan.

Hubungan sosial terjejas



- Memandang rendah amalan norma yang berbeza.

- Mempersendakan cara berpakaian orang lain.
- Tidak menghormati amalan beribadat kaum lain.

Menjejaskan keharmonian masyarakat



UNIT 2 PERIBADIAN MULIA HIASAN DIRI

Bidang 5 : Insan bermoral

SK 5.2 : Individu berkeperibadian mulia

Cadangan nilai : kepercayaan kepada Tuhan, hemah tinggi, harga diri, kejujuran, keberanian




KONSEP

Keperibadian mulia bermaksud sifat baik dan terpuji yang dimiliki oleh individu. Keperibadian mulia dapat dibentuk melalui latihan serta amalan kesederhanaan dalam kehidupan harian hingga menjadi tabiat atau kebiasaan.



CARA MEMPRAKTIKKAN KEPERIBADIAN MULIA



PERBANDINGAN TINGKAH LAKU BERKEPERIBADIAN MULIA DENGAN BUKAN BERKEPERIBADIAN MULIA

Berkeperibadian Mulia	Bukan Berkeperibadian Mulia
<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Sanggup menghadapi cabaran dalam kehidupan.	Pemarah dan tidak sabar.
<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Sentiasa bersyukur.	Mudah berputus asa dalam usaha mencapai kejayaan.
<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Berjimat cermat dalam perbelanjaan.	Khianat dan bersangka buruk.
<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Bekerjasama dan saling menolong.	Tamak dan boros.
<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Amanah.	Mementingkan diri sendiri.
<input checked="" type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Sederhana dalam pertuturan dan perlakuan.	Tidak jujur.



UNIT 3 PRINSIP KEADILAN DAN KEPRIHATINAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

Bidang 5 : Insan bermoral

SK 5.3 : Prinsip keadilan dan keprihatinan dalam membuat keputusan

Cadangan nilai : rasional, baik hati, kasih sayang, kejujuran, keberanian



PRINSIP KEADILAN

- Sikap dan tingkah laku individu dalam hubungan antara manusia untuk menegakkan kesaksamaan dengan keseimbangan dalam pemikiran, pertuturan, perasaan dan perlakuan.
- Prinsip keadilan melibatkan sebarang perbuatan adil terhadap diri sendiri dan orang lain.

CONTOH

Bersikap tidak berat sebelah

Pemilihan calon.

Pemberian ganjaran atau hukuman.

Layanan sama rata

Tanpa mengira status sosial.

Tanpa mengira sosioekonomi.

Menghormati hak individu

Kemudahan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Keperluan untuk golongan kurang bernasib baik.

Adil dalam mengagihkan sumbangan atau bantuan

Mangsa bencana.

Rakyat yang berkeperluan.

Bersikap rasional

Menganalisis situasi.


Membuat pertimbangan moral.



KONSEP

PRINSIP KEPRIHATINAN

- Perlakuan yang memberikan pertimbangan moral dalam melaksanakan peranan atau kewajipan terhadap orang lain.
- Mempertimbangkan kepentingan orang lain dalam situasi yang dihadapi.
- Dalam membuat keputusan untuk sesuatu situasi berperikemanusiaan, biasanya prinsip keprihatinan akan digunakan sebagai asas ukuran.



KEPENTINGAN MEMBUAT KEPUTUSAN

PRINSIP KEADILAN

Tidak menjadikan kepentingan orang lain.

Menjaga hak kemanusiaan sejagat.

Mengelakkan perselisihan faham.

Membela nasib golongan yang tertindas.

PRINSIP KEPRIHATINAN

Mengelakkan diri daripada menjadi mangsa keadaan.

Menjamin keamanan dan keharmonian masyarakat.

Semua lapisan masyarakat mendapat keprihatinan yang sewajarnya.

Mengenal pasti konflik atau permasalahan yang timbul.

Membuat pertimbangan moral.

Membuat keputusan dalam pemilihan prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan.

CONTOH STRATEGI PENYELESAIAN KONFLIK

Justifikasi kewajaran dalam membuat keputusan.

PROSES PERTIMBANGAN MORAL DALAM MENYELESAIKAN DILEMA MORAL

Situasi	Charles merupakan atlet yang sering mewakili sekolah ke peringkat negeri dan kebangsaan. Minatnya terhadap bidang sukan amat mendalam. Namun begitu. Charles mempunyai masalah disiplin, terutamanya berkaitan dengan kehadiran hingga dihukum gantung persekolahan. Semasa temasya sukan antara sekolah peringkat negeri sedang berlangsung, Charles membuat rayuan kepada pihak sekolah dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatannya. Dia memohon agar diberikan kebenaran untuk mengambil bahagian dalam acara larian. Bagaimanakah pihak sekolah dapat membuat keputusan terhadap rayuan Charles itu?
Konflik	Mibenarkan Charles mewakili sekolah dalam bidang sukan atau terus menggantung persekolahannya.
Pertimbangan moral	<p>Prinsip keadilan: Murid bermasalah tidak boleh mewakili sekolah dalam apa-apa aktiviti.</p> <p>Prinsip keprihatinan: Murid yang menunjukkan minat dan berbakat dalam bidang sukan tidak patut dipinggirkan.</p> <p>Dilema pihak pentadbiran: Murid bermasalah tetapi berpotensi mengharumkan nama sekolah dalam bidang sukan.</p>
Pemilihan prinsip	<p>Prinsip keadilan:</p> <ol style="list-style-type: none">Setiap murid perlu mematuhi peraturan sekolah.Boleh menjadi pengajaran kepada murid bermasalah. <p>Prinsip keprihatinan:</p> <ol style="list-style-type: none">Memberikan kebenaran secara bersyarat kepada Charles.Charles telah berjanji untuk mengubah sikapnya.
Justifikasi	<ol style="list-style-type: none">Mendorong murid yang berbakat untuk menunjukkan kebolehannya.Memberikan peluang kepada murid yang telah sedar dengan kesilapan yang pernah dilakukannya untuk meningkatkan prestasi diri.

UNIT 4 PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA

Bidang 5 : Insan bermoral

SK 5.4 : Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi secara beretika

Cadangan nilai : rasional, kebebasan, harga diri, kesederhanaan, kerajinan



Teknologi maklumat dan komunikasi merupakan sistem yang membolehkan pengumpulan, pengurusan, manipulasi, perolehan, dan komunikasi maklumat dalam pelbagai bentuk.



KEPENTINGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA

- 
- Mengubah cara pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berinovasi.
 - Menjimatkan masa dan wang.
 - Mampu menarik minat murid.

Mempelbagaikan Perkhidmatan dalam Talian

- Perkhidmatan yang lebih mesra pengguna.
- Pengguna tidak perlu bersesak-sesak di kaunter.
- Terdapat pelbagai pilihan transaksi dalam talian.

Meningkatkan Hubungan Sosial

- Memudahkan komunikasi secara maya dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia.
- Mengeratkan hubungan.
- Mewujudkan jaringan berdasarkan bidang.

Menjanakan Ekonomi

- Menyediakan peluang perniagaan dan perkhidmatan.
- Barang atau perkhidmatan boleh dipromosikan dengan meluas.
- Penjualan dan pembelian boleh dibuat secara dalam talian.

Perkongsian Maklumat

- Pelbagai maklumat dapat diperoleh dengan mudah.
- Kerja penyelidikan dan pembelajaran dapat dibuat dengan lebih sistematik.
- Maklumat terkini dalam pelbagai bidang dapat disebar luas secara menyeluruh.

Menjimatkan Kos dan Masa

- Pelbagai kos seperti kos panggilan telefon dan pengangkutan dapat dijimatkan.
- Perbincangan atau mesyuarat dapat diadakan secara telesidang.
- Penggunaan sumber tenaga manusia dapat diminimumkan.

CONTOH PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA





Penggunaan Akaun E-mel

- Merahsiakan nama pengguna dan kata laluan daripada pengetahuan orang lain.
- Tidak memalsukan maklumat diri dalam pendaftaran e-mel.
- Menggunakan e-mel dengan bijak dan berhati-hati.

Penggunaan Pengiklanan

- Mengiklankan barang dan perkhidmatan yang tidak menyalahi undang-undang dan norma masyarakat.
- Berintegriti bagi memastikan pengguna tidak berasa tertipu.
- Bersaing secara sihat dengan tidak memburukkan barang dan perkhidmatan orang lain.



Memuat Turun dan Memuat Naik

- Mendapat kebenaran yang sah daripada pemiliknya.
- Tidak memuat turun dan memuat naik bahan negatif.
- Tidak memuat turun dan memuat naik perisian tidak berlesen.

KESAN PENGABAIAKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA

Ketidaktepatan Maklumat

- Mengelirukan orang lain.
- Menimbulkan fitnah.
- Mengaibkan orang lain.

Isu Keselamatan

- Risiko data peribadi digodam.
- Terdekah kepada buli siber.
- Ancaman keselamatan diri, keluarga dan harta benda.

Serangan Pelbagai Virus

- Menjejaskan sistem komputer.
- Mengganggu penggunaan harian dalam teknologi maklumat data telekomunikasi.
- Melumpuhkan operasi sesebuah organisasi.

Terdekah kepada Bahan Negatif

- Mempengaruhi pemikiran murid.
- Mendorong perlakuan yang tidak diingini.
- Meningkatkan gejala sosial.

Ketagihan Penggunaan

- Pembaziran masa.
- Mengganggu tugas harian.
- Menjejaskan masa berkualiti bersama-sama dengan keluarga.

KEBAIKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI SECARA BERETIKA



UNIT 5 MANTAP INTEGRITI MANTAPLAH JATI DIRI


Bidang 6 : Jati diri moral

6.1 : Integriti individu

Cadangan nilai : kepercayaan kepada Tuhan, kejujuran, harga diri, bertanggungjawab, kerajinan



Amalan integriti dalam kalangan semua lapisan masyarakat memerlukan pegangan hidup yang berakauntabiliti, berwibawa dan patuh pada undang-undang. Integriti individu merupakan sifat utama yang dapat melahirkan jati diri produktif dan berkualiti dalam setiap perlakuan.



KEPENTINGAN INTEGRITI INDIVIDU

- Melahirkan modal insan yang dapat berbakti kepada negara.
- Mendapatkan keyakinan dan kepercayaan orang lain.
- Menjamin hasil kerja yang berkualiti.
- Memelihara dan memperkasa imej diri serta keluarga.
- Meningkatkan kualiti diri untuk mewujudkan pentadbiran yang cekap.
- Melahirkan individu yang berpegang pada ketinggian prinsip moral dan etika.
- Mengelakkan diri daripada penyalahgunaan kuasa.
- Membentuk keperibadian individu dan jati diri bangsa.



DIRI

- Menjatuhkan maruah diri.
- Menghilangkan kepercayaan dan keyakinan orang lain.
- Menjejaskan masa hadapan.
- Bersikap individualistik.



KELUARGA

- Memalukan anggota keluarga.
- Merenggangkan hubungan antara anggota keluarga.
- Dipinggirkan oleh masyarakat.



NEGARA

- Menjejaskan keharmonian negara.
- Mencemarkan nama negara.
- Menjejaskan keyakinan pelabur asing.



PENEKANAN SIKAP INTEGRITI MENURUT PERSPEKTIF AGAMA

Agama Islam

- Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya serta (janganlah) kamu mengkhianati amanah kamu ketika kamu mengetahui (salahnya). (Sumber: Surah al-Anfal 8:27)
- **Contoh perlakuan:** Jujur dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Agama Buddha

- Tidak melakukan sebarang kejahanan tetapi mengamalkan semua nilai baik dan menyucikan niat hati adalah ajaran agama Buddha.
(Sumber: Dhammapada Bab xiv: 183)
- **Contoh perlakuan:** Setia pada keluarga, tidak melakukan penipuan dan giat melakukan kerja kebajikan.

Agama Hindu

- “Kebersihan badan dicapai dari air, kesucian hati dicapai dengan kebenaran.” (Sumber: Kural 298)
- **Contoh perlakuan:** Mengaku kesilapan diri walaupun berasa bersalah daripada berbohong.

Agama Kristian

- “Lebih baik miskin, namun melakukan apa yang benar, daripada kaya tetapi tidak jujur.”
[Sumber: Al-Kitab (Amsal 16:8)]
- **Contoh perlakuan:** Tidak memalsukan sesuatu dokumen untuk mendapat sesuatu kepentingan atau kejayaan.

Agama Sikh

- Bertakwa kepada tuhan, mencari rezeki secara jujur dan berkongsi dengan mereka yang memerlukan merupakan prinsip hidup yang tidak ternilai.
(Sumber: Sri Guru Granth Sahib Ji)
- **Contoh perlakuan:** Jujur dan amanah dalam mencari nafkah hidup.

UNIT 6 KELUARGA BERINTEGRITI KELUARGA DISEGANI

Bidang 6 : Jati diri moral

SK 6.2 : Integriti keluarga

Cadangan nilai : kasih sayang, hormat, toleransi, kerjasama, harga diri



Keluarga ialah unit asas yang berkait rapat dengan integriti dalam membentuk sikap dan perlakuan mulia setiap anggotanya. Integriti keluarga bermaksud pembinaan keluarga yang bahagia, utuh dan penyayang berlandaskan nilai murni. Didikan keluarga menjadi asas kukuh dalam mengikat anggota keluarga supaya tidak terpesong daripada nilai dan norma masyarakat.



GAYA KEIBUBAPAAN

Gaya Autoritatif

- ❖ Akur dengan permintaan yang bersesuaian daripada anak-anak
- ❖ Peneguhan berterusan
- ❖ Peka terhadap kemampuan dan kehendak anak-anak

Gaya Autoritarian

- ❖ Banyak peraturan dan tuntutan daripada ibu bapa
- ❖ Kurang memberikan penjelasan kepada anak-anak
- ❖ Kurang peka terhadap keperluan serta pandangan anak-anak

Gaya Permisif

- ❖ Kurang peraturan dan tuntutan
- ❖ Anak-anak diberikan kebebasan dalam membuat keputusan
- ❖ Setiap permintaan dituruti tanpa memikirkan kesannya

CONTOH INTEGRITI KELUARGA

menjadikan pegangan agama sebagai asas yang kukuh dalam pembinaan keluarga

- ajaran agama dipupuk dalam setiap perlakuan
- sentiasa jujur terhadap anggota keluarga

menjaga kerahsiaan keluarga

- tidak menceritakan masalah yang berlaku dalam keluarga kepada orang luar kecuali kepada pihak tertentu
- tidak membuka rahsia keluarga kecuali kepada pihak tertentu

melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai suami, isteri dan anak-anak

- ibu bapa memastikan setiap anggota keluarga melaksanakan kewajipan masing-masing
- menasihati anggota keluarga yang gagal menunaikan kewajipan

menunjukkan teladan yang baik kepada anggota keluarga

- ibu bapa mengamalkan sikap yang positif dan proaktif
- sentiasa berunding dalam menyelesaikan masalah

memupuk perasaan kasih sayang dan hubungan baik dalam keluarga

- mengambil tahu tentang anggota keluarga yang sakit atau tidak berupaya dari segi fizikal dan emosi
- memaafkan kesilapan yang dilakukan oleh anggota keluarga

mendidik anak-anak untuk menyayangi, menghormati dan menjaga warga tua

- menghargai sumbangan warga tua kepada keluarga
- menjaga kebijakan dan keperluan warga tua

menghentikan pertelingkahan antara anggota secara adil

- mengambil berat tentang perasaan anggota keluarga dalam setiap tindakan
- tidak memalukan anggota keluarga di hadapan orang lain



CARA MEMUPUK INTEGRITI KELUARGA

Memberikan penghargaan kepada anggota keluarga

- ketika meraikan hari istimewa keluarga
- ketika mendapat kejayaan

Memberikan layanan adil terhadap anggota keluarga

- tidak pilih kasih
- bersabar dengan kerentan anggota keluarga

Menyayangi dan menghormati anggota keluarga

- mendengar pendapat anggota keluarga
- menyediakan keperluan harian

Mempunyai kemahiran keibubapaan yang baik

- menjadi suri teladan yang baik
- meluangkan masa berkualiti dengan anggota keluarga


SEBAB

Masalah kewangan
Tidak berkerjaya
Tiada sikap bertolak ansur
Pengaruh laman sosial

AKIBAT

Tekanan emosi
Kebajikan anak terabai
Ketenteraman keluarga terjejas
Menunjukkan perlakuan antisosial

IMPLIKASI PERBUATAN TIDAK BERINTEGRITI TERHADAP ANGGOTA KELUARGA



Saling menyayangi sesama anggota keluarga

- Menghormati anggota keluarga yang lebih tua
- Menyelesaikan sebarang pertelingkahan antara anggota keluarga dengan aman

Memastikan penglibatan warga tua dalam setiap aktiviti keluarga

- Menghormati dan mendengar nasihat warga tua
- Membawa warga tua bersama-sama semasa melancong

AMALAN INTEGRITI DALAM KELUARGA

Mendidik anggota keluarga dengan ajaran agama atau kepercayaan

- Membimbing anggota keluarga tentang ajaran agama atau kepercayaan
- Melakukan amalan keagamaan atau kepercayaan bersama-sama dengan anggota keluarga

Menunjukkan perlakuan mulia supaya anggota dalam keluarga dapat mencontohnya

- Menjaga kerahsiaan dalam keluarga
- Menangani urusan dan pemasalahan keluarga dengan jujur dan adil

UNIT 7 BERPERIKEMANUSIAAN MEMBENTUK MASYARAKAT SEJAHTERA

Bidang 6 : Jati diri moral

SK 6.3 : Berperikemanusiaan untuk kesejahteraan masyarakat

Cadangan nilai : kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, hemah tinggi, kasih sayang, berterima kasih



Perikemanusiaan merujuk sifat yang wajar bagi manusia seperti bertimbang rasa, tolong-menolong dan mengasihani. Perikemanusiaan berkait rapat dengan tindakan yang berasaskan pemikiran yang rasional terhadap manusia, haiwan dan alam sekitar. Perlakuan berperikemanusiaan dapat membantu membentuk masyarakat yang sejahtera.



Membantu mangsa bencana alam

Menjaga dan memberikan perlindungan kepada haiwan

Memberikan bantuan kepada golongan gelandangan

Memberikan sumbangan kepada orang miskin

Membantu orang yang memerlukan

Melayan pekerja dengan baik


Mengelakkan diri daripada melakukan penderaan

Mempunyai sikap empati dan simpati dengan jiran

Menyantuni Orang Kurang Upaya (OKU) dengan ikhlas

Memelihara dan memulihara alam sekitar

KEPENTINGAN BERPERIKEMANUSIAAN



KESAN PENGABAIAN SIKAP BERPERIKEMANUSIAAN

Hilangnya maruah dan harga diri

Jurang komunikasi dan nilai kehidupan terjejas

Bebanan kos kepada kerajaan

Pegangan agama dan nilai moral dalam kehidupan menjadi goyah

Menzalimi haiwan dan tumbuhan

Kebajikan warga tua akan terabai

Mementingkan diri sendiri dan materialistik

Mengancam keselamatan dan kesihatan golongan yang terabai

Tekanan jiwa dan emosi

Menjejaskan ekosistem

**CONTOH PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN
MELAKSANAKAN AKTIVITI KEMANUSIAAN**

Pertubuhan Kebajikan
Kemanusiaan Antarabangsa



Persatuan Haiwan Malaysia



<https://animalmalaysia.com/>

Persatuan Kechara Soup
Kitchen Malaysia



<https://kecharasoupkitchen.com/>

Persatuan Aktivis
Sahabat Alam



<https://www.kuasaperak.org/>

Majlis Kanser Nasional
(MAKNA)



<https://www.mercy.org.my/>

Medical Relief Society
Malaysia (MERCY)



<https://www.mercy.org.my/>

UNIT 8 HAK DAN TANGGUNGJAWAB WARGANEGARA

Bidang 7 : Moral dan kenegaraan

SK 7.1 : Hak dan tanggungjawab sebagai warganegara berlandaskan Perlembagaan Malaysia

Cadangan nilai : bertanggungjawab, patriotisme, berterima kasih, kebebasan, berdikari



Setiap warganegara mempunyai hak dan tanggungjawab masing-masing. Hak ialah kuasa atas sesuatu atau kuasa melakukan sesuatu yang ditentukan mengikut peraturan dan undang-undang negara. Tanggungjawab pula merupakan kesanggupan warganegara untuk melaksanakan tugas serta kewajipan dalam menjaga kedaulatan negara.

KEPENTINGAN HAK DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI WARGANEGARA

HAK

- Mewujudkan kemakmuran dan keamanan dalam kehidupan sejagat
- Mengelakkan perselisihan faham antara kaum
- Merapatkan jurang antara kaum
- Mengelakkan diskriminasi yang boleh berlaku kerana perbezaan agama, bangsa, budaya dan Bahasa
- Meningkatkan taraf hidup sosial.
- Menjamin kebebasan hak asasi warganegara

TANGGUNGJAWAB

- Melestarikan alam sekitar
- Membangunkan dan memartabatkan negara
- Memastikan dasar kerajaan dapat berjalan dengan lancar
- Mempunyai kesetiaan yang tinggi kepada negara
- Melicinkan pentadbiran kerajaan dalam semua aspek
- Membantu pembangunan ekonomi, sosial dan politik yang stabil

KESAN PENGABAIAN

HAK

DAN

TANGGUNGJAWAB

DIRI

- Tersisih daripada masyarakat.
- Dipandang rendah oleh masyarakat

MASYARAKAT

- Berlaku perselisihan faham
- Mengancam keselamatan

NEGARA

- Imej negara tercemar
- Semangat patriotik akan berkurangan

DIRI

- Hak asasi akan hilang
- Berlaku diskriminasi kepada diri

MASYARAKAT

- taraf hidup rakyat terjejas
- Hidup tidak sejahtera

NEGARA

- Kestabilan negara tergugat
- Tadbir urus pentadbiran kucar-kacir

HAK WARGANEGARA

TANGGUNGJAWAB WARGANEGARA

Perkara 5

Kebebasan diri

Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang

Memelihara diri sendiri dan nyawa orang lain kecuali mengikut undang-undang

Perkara 6

Keabdi dan kerja paksa dilarang

Segala bentuk kerja paksa adalah dilarang, tetapi Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan mengenai perkhidmatan wajib bagi maksud-maksud negara

Tidak menindas golongan pekerja dengan memberikan layanan adil kepada semua pihak

Perkara 13

Hak terhadap harta

Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang

Bertanggungjawab untuk membuat pengisytiharan harta dan membayar cukai

Perkara 8

Kesamarataan

Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang

Tidak bersikap diskriminasi kepada mana-mana pihak atas alasan kaum, agama atau jantina

Perkara 10

Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan

Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4) –
(a) Tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara

Mendapatkan kebenaran daripada pihak berkuasa sebelum mengadakan perhimpunan

UNIT 9 PERPADUAN MASYARAKAT ASAS KEMAKMURAN NEGARA

Bidang 7 : Moral dan kenegaraan

SK 7.2 : Perpaduan dalam masyarakat

Cadangan nilai : toleransi, kerjasama, baik hati, hormat, kasih sayang



Perpaduan ialah penyatuan masyarakat dalam membentuk satu identiti nasional dan nilai bersama. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama, budaya dan bahasa perlu mengekalkan perpaduan bagi mewujudkan sebuah negara yang makmur.



CABARAN DALAM MEMBENTUK AMALAN PERPADUAN

Penyebaran maklumat palsu dan negatif

- Penggunaan media sosial tanpa had
- Isu perkauman sentiasa diungkit

Penguasaan bahasa kebangsaan yang lemah

- Kelemahan individu dalam menguasai bahasa kebangsaan
- Kurang peka terhadap kepentingan menguasai bahasa kebangsaan

Kurang menerima, menghormati dan mengurus

- Prejudis terhadap kaum lain
- Kurangnya sikap toleransi alam masyarakat yang berbilang bangsa

Kurangnya pemahaman agama dan kebudayaan kaum lain

- Kurang menghormati agama, kepercayaan dan budaya kaum lain
- Kurang sensitif terhadap agama, kepercayaan dan budaya kaum lain

CONTOH AMALAN PERPADUAN

Keselamatan penduduk	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat rondaan di kawasan kediaman • Mewujudkan komunikasi melalui penggunaan aplikasi media sosial
Aktiviti patriotik	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan diri dalam sambutan kemerdekaan • Mengibarkan Jalur Gemilang
Sukan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyokong pasukan negara • Melibatkan pelbagai kaum dalam sesuatu acara sukan
Kelestarian alam	<ul style="list-style-type: none"> • Memelihara dan memulihara alam sekitar • Menyertai program kelestarian alam sekitar
Majlis keramaian	<ul style="list-style-type: none"> • Menghadiri rumah terbuka semasa musim perayaan • Menghormati budaya dan adat resam masyarakat Malaysia
Aktiviti kesukarelawan	<ul style="list-style-type: none"> • Membantu mangsa bencana • Melakukan khidmat komuniti



AGENSI KERAJAAN DAN PERANAN DALAM MEMUPUK PERPADUAN



- Mendidik masyarakat supaya cinta akan perpaduan
- Memelihara, mengekal dan meningkatkan perhubungan kaum ke arah perpaduan nasional
- Mempromosikan persefahaman dan keharmonian antara agama
- Menjalankan wacana perpaduan dan kajian perhubungan kaum
- Melaksanakan langkah-langkah intervensi dalam mengurus hal ehwal perpaduan negara dan integrasi nasional
- Menyediakan syor kepada kerajaan dalam menyatakan pendirian negara di peringkat antarabangsa



- Menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranian, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup di kalangan anggota masyarakat
- Menerima maklumat mengenai, untuk memerhati dan menyiasat, semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam kawasan dan melaporkan maklumat, pemerhatian dan penyiasatan itu kepada pengarah
- Mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana



- Memantapkan usaha memulihara, mengekal, mengembang dan menyemarak seni budaya warisan bangsa
- Menggembangkan elemen seni budaya untuk meningkatkan kesejahteraan dan perpaduan bangsa
- Menggalakkan penglibatan penggiat seni di dalam bidang ekonomi melalui aktiviti seni budaya
- Menyokong pertumbuhan pelancongan negara melalui aktiviti seni dan budaya



- Meningkatkan kefahaman, sokongan, keyakinan dan penglibatan masyarakat terhadap dasar dan program Kerajaan ke arah pembinaan negara bangsa yang bermaklumat, progresif, berintegriti, sejahtera serta bersatu padu.

UNIT 10 PENGURUSAN PERBELANJAAN SECARA BERETIKA

Bidang 7 : Moral dan kenegaraan

SK 7.3 : Pengurusan perbelanjaan secara beretika

Cadangan nilai : kesederhanaan, bertanggungjawab, berdikari, rasional, kejujuran



Dalam kehidupan, setiap individu membelanjakan sejumlah wang untuk memenuhi keperluan harian. Perbelanjaan ini perlu diuruskan secara beretika bagi menjamin kewangan yang stabil. Pengurusan perbelanjaan secara beretika bermaksud cara wang dibelanjakan dan diuruskan dengan berhemah untuk mendapatkan sesuatu barang dan perkhidmatan.



CARA PENGURUSAN PERBELANJAAN SECARA BERETIKA

Menentukan kedudukan kewangan yang dimiliki



- Memastikan jumlah wang yang dimiliki
- Merancang perbelanjaan berdasarkan wang yang dimiliki

Mengenal pasti dan membuat anggaran perbelanjaan



- Membuat catatan dan mengkategorikan setiap item sebagai keperluan atau kehendak
- Membuat peruntukan bagi setiap perbelanjaan

Membeli barang secara tunai, kad debit atau kad kredit



- Membeli barang dengan membuat bayaran secara tunai atau menggunakan kad debit
- Mengelakkan diri daripada berhutang
- Memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh waktu bebas faedah jika terpaksa menggunakan kad kredit

Mendisiplinkan diri ketika berbelanja



- Berbelanja mengikut kemampuan
- Mengelakkan diri daripada membeli barang berasaskan jenama semata-mata
- Berusaha mencari alternatif lain jika terpaksa membeli barang mahal

Tidak terpengaruh dengan jualan murah atau jualan dalam talian




- Membuat penelitian harga terlebih dahulu bagi memastikan barang tersebut benar-benar murah dan berkualiti
- Membeli barang atau perkhidmatan yang telah dirancang sahaja
- Mendapatkan khidmat nasihat sebelum membeli sesuatu barang

Mendokumentasikan perbelanjaan



- Mencatatkan semua perbelanjaan yang telah dibuat
- Menyimpan semua resit pembayaran dengan lebih sistematik
- Merancang semula perbelanjaan bagi mengelakkan perbelanjaan secara berlebihan

KESAN PENGURUSAN PERBELANJAAN TIDAK BERETIKA



HAK PENGGUNA

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none">Hak untuk mendapatkan keperluan asasHak untuk mendapatkan keselamatanHak untuk mendapatkan maklumatHak untuk membuat pilihanHak untuk bersuara | <ul style="list-style-type: none">Hak untuk mendapatkan ganti rugiHak untuk mendapatkan pendidikan penggunaHak untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat dan selamat |
|--|--|

UNIT 11 KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

Bidang 7 : Moral dan kenegaraan

SK 7.4: Keunikan rakyat Malaysia

Cadangan nilai : patriotisme, kerajinan, berdikari, keberanian, berterima kasih



- Malaysia merupakan negara yang unik kerana mempunyai rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan kepercayaan.
- Kepelbagaian ini tidak menghalang rakyat Malaysia untuk menghormati norma dan budaya kaum lain.

KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA



Kaum Melayu

- Bahasa : Melayu
- Makanan : Nasi lemak, rendang, sate
- Pakaian: Baju kurung, baju Melayu
- Perayaan: Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha

Kaum Cina


- Bahasa: Mandarin, Hakka, Kantonis, Hokkien, Hainan, Fuzhou, Teochew
- Makanan: Dim sum, kuih bulan, zongzi, tang yuan
- Pakaian: Ceongsam, samfu, qipao
- Perayaan: Tahun Baru Cina, Cap Goh Mei

Kaum India

- Bahasa: Tamil, Telugu, Malayalam
- Makanan: Tose, idli.
- Pakaian: Sari, doti.
- Perayaan: Deepavali, Thaipusam

Kaum Kadazandusun	Kaum Punjabi	Kaum Iban
<ul style="list-style-type: none"> Bahasa: Kadazandusun Makanan: tuhau, hinava, bosou Pakaian: Himpogot, tangkong, siling, tapi' Perayaan: Pesta Kaamatan, Pesta Moginakan Nunuk Ragang 	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa: Punjabi Makanan: Capati, dhal, saag, lassi Pakaian: Serban, kurta-pejama, dupatta, selwar-kameez Perayaan: Hari Vesakhi 	<ul style="list-style-type: none"> Bahasa: Iban Makanan: Manuk pansuh, kasam ikan, salai Pakaian: Sirat, kelambi, kain tenun, baju burung. Perayaan: Gawai Dayak, Gawai Antu, Gawai Batu

KEPENTINGAN KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA



CABARAN KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

Cabaran bahasa:

- kepelbagaian bahasa tidak dapat difahami segelintir masyarakat
- menjelaskan komunikasi antara kaum

Cabaran budaya luar:

- mengakis jati diri dan budaya sesuatu kaum
- mudah dipengaruhi dengan budaya negatif dari luar

Polarisasi kaum:

- mencetus konflik yang berpunca daripada sikap tidak menghormati perbezaan dan kepercayaan kaum lain
- mewujudkan sikap perkauman


Cabaran sosial:

- perasaan taasub terhadap kebudayaan sendiri
- kecelaruan identiti bangsa

STRATEGI MENGEKALKAN KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA

DIRI	IBU BAPA	KERAJAAN
<ul style="list-style-type: none">• menerima dan menghormati keunikan semua kaum• tidak memandang rendah adat atau kepercayaan kaum lain• mengamalkan adat dan budaya dalam kehidupan harian	<ul style="list-style-type: none">• mengamalkan adat dan budaya dalam keluarga• mendidik anak-anak supaya menerima kepelbagaiannya• membawa anak-anak untuk menyertai aktiviti kebudayaan pelbagai kaum	<ul style="list-style-type: none">• membanyakkan lagi aktiviti kesenian dan kebudayaan• memartabatkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan• mewujudkan muzium mini kesenian dan kebudayaan

OBJEKTIF DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN



UNIT 12 KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Bidang 7 : Moral dan kenegaraan

SK 7.5: Kedaulatan negara tanggungjawab bersama

Cadangan nilai : patriotisme, kerjasama, bertanggungjawab, keberanian, hormat



Negara berdaulat: negara yang bebas daripada penjajahan dan berupaya untuk menguruskan hal ehwal negara secara bebas tanpa campur tangan dari mana-mana negara lain. Malaysia merupakan sebuah negara berdaulat yang bebas menagdakan hubungan diplomatik dengan negara lain mengikut perlembagaan.

CIRI NEGARA BERDAULAT

BERMARUAH DAN BERWIBAWA

- kuasa politik yang stabil
- ekonomi yang mantap
- warganegara yang berkualiti

BERSTRUKTUR PEMERINTAHAN SENDIRI

- pemisahan kuasa antara perundangan, kehakiman dan eksekutif
- mengamalkan Raja Berpelembagaan
- sistem demokrasi berparlimen

BEBAS DARI PENGARUH LUAR

- perpaduan rakyat terjamin
- keamanan dan keselamatan rakyat terjamin
- keunikan budaya dikekalkan

BERIDENTITI NASIONAL

- bendera rasmi
- jata negara
- bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- prinsip Rukun Negara
- lagu kebangsaan

RAJA BERPERLEMBAGAAN

- sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan dalam perlembagaan Malaysia
- Yang di-Pertuan Agong menjalankan tanggungjawab sebagai Ketua Negara
- pentadbiran negara bersandarkan perlembagaan

KEPENTINGAN MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA

Maruah negara terpelihara

- tidak terpengaruh dengan anasir subversi

Mengekalkan kestabilan politik

- pemerintahan mengikut acuan sendiri

Mengekalkan kemerdekaan negara

- sistem pemerintahan yang stabil

Meningkatkan semangat patriotik

- cinta akan negara
- setia kepada raja dan negara

Mengukuhkan perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia

- memberikan sumbangan kepada pembangunan negara



Subversif: perbuatan yang bertujuan untuk melemahkan atau memusnahkan sesuatu sistem politik atau kerajaan.

CABARAN MENGEKALKAN KEDAULATAN NEGARA

Penularan berita yang menggugat kedaulatan negara

Taraf ekonomi dan sosial yang tidak seimbang dalam kalangan rakyat

Generasi muda yang kurang semangat patriotik terhadap negara

Tindakan kuasa besar yang mencabar kedaulatan negara

Rakyat kurang jati diri dan mudah terpedaya dengan hasutan dalam dan luar negara.

KESAN PENGABAIAN TANGGUNGJAWAB MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA

Tradisi dan norma masyarakat semakin dilupakan

- rakyat mengagungkan budaya luar

Perpaduan dan keharmonian terjejas

- rakyat akan saling bermusuhan

Aktiviti ekonomi negara akan terbantut

- pembangunan negara terjejas

Ketidakstabilan politik negara

- sistem pemerintahan tergugat

Campur tangan kuasa luar

- negara tidak aman

NOTA GRAFIK TINGKATAN 5

UNIT 1 NORMA MASYARAKAT GLOBAL MEMBENTUK KEHARMONIAN SEJAGAT

Bidang 5 : Insan bermoral

SK 5.1 : Norma masyarakat global

Cadangan nilai : hormat, hemah tinggi, rasional, kebebasan, kesederhanaan



Masyarakat global : Individu dalam komuniti dunia yang saling berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain.

Norma masyarakat global: Perlakuan yang ditunjukkan oleh anggota masyarakat dunia yang berasaskan peraturan sosial yang diterima dan dikongsi bersama.

NORMA MASYARAKAT GLOBAL

Memahami isu silang budaya masyarakat global

Melestarikan kesejahteraan global

Menghormati perspektif dalam kepelbagaiannya global

Mengamalkan sifat kemanusiaan secara global

Memahami, menghormati dan menerima amalan masyarakat global

Bertindak wajar dalam mengejar pembangunan dan menjaga kelestarian global

KESAN PENGABAIAAN NORMA MASYARAKAT GLOBAL

Pertumbuhan ekonomi global akan terjejas

Alam sekitar global akan terancam

Keharmonian masyarakat global akan terjejas

Interaksi sosial masyarakat global akan terjejas

Wujud diskriminasi antara masyarakat global

Kadar jenayah dalam masyarakat global akan meningkat

KEPENTINGAN AMALAN NORMA MASYARAKAT GLOBAL

Meningkatkan ekonomi global

- merangsang pasaran ekonomi global
- menggalakkan penglibatan masyarakat global dalam aktiviti ekonomi

Memartabatkan hak asasi manusia dan kelestarian alam sekitar global

- melahirkan masyarakat yang lebih prihatin dan penyayang
- mewujudkan perpaduan masyarakat global

Meningkatkan penguasaan teknologi dalam masyarakat global

- ilmu dapat disebarluaskan dengan lebih pantas dan efisien
- tahap komunikasi masyarakat global akan meningkat

Membentuk tingkah laku masyarakat global yang berperikemanusiaan

- mengukuhkan persefahaman budaya masyarakat global
- bertindak mengikut peraturan dan undang-undang

CONTOH NORMA MASYARAKAT GLOBAL

Ekonomi

- Pembelian tanpa tunai
- Penerimaan mata wang yang standard
- Transaksi dalam talian

Sosiod budaya

- Menyantuni masyarakat global
- Bangga dan mengutamakan jati diri negara asal
- Menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian adat dan tradisi

Kelestarian alam sekitar

- Budaya mesra alam
- Pembayaran terancang
- Pengurusan isu alam sekitar global secara sistematik

Peraturan dan undang-undang

- Menghormati hak asasi manusia
- Melindungi hak asasi manusia
- Mematuhi peraturan dan undang-undang antarabangsa

Kesihatan

- Perkongsian kepakaran perubatan seluruh dunia
- Penyelidikan dan pembangunan produk dan ubat-ubatan
- Kerjasama dalam pengawalan penyakit berjangkit

Teknologi

- Inovasi dan penciptaan alat teknologi baharu
- Jalinan dan jaringan telekomunikasi yang merapatkan jurang digital
- Penggunaan barang dan perkakasan canggih dalam kehidupan

UNIT 2 UKIR NAMA DI MATA DUNIA, JATI DIRI BERPISAH TIADA

Bidang 5 : Insan bermoral

SK 5.2 : Individu glokal

Cadangan nilai : kepercayaan kepada Tuhan, hemah tinggi, harga diri, toleransi, patriotisme



- **Glokal:** Gabungan perkataan global dan lokal.
- **Global** membawa maksud sejagat
- **Lokal** membawa maksud setempat
- **Individu glokal:** seseorang yang mampu berdaya saing pada peringkat global tetapi berakar umbi atau berpegang teguh pada jati diri lokal.


CIRI INDIVIDU GLOKAL

Ciri	Contoh
Berdaya saing	<ul style="list-style-type: none"> • mampu bersaing pada peringkat lokal dan global • memberikan idea yang mencerminkan wawasan bertaraf global
Mempunyai jaringan dan jalinan glokal yang baik	<ul style="list-style-type: none"> • mempunyai hubungan yang baik dan mampu berkomunikasi pada peringkat lokal dan global
Mempunyai jati diri yang kukuh	<ul style="list-style-type: none"> • dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dunia tanpa mengabaikan jati diri • berfikiran positif dan optimis
Mempunyai kemahiran teknologi maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • mampu mengadaptasi teknologi maklumat mengikut peredaran masa • mengelakkan penyalahgunaan teknologi maklumat


SIKAP INDIVIDU GLOKAL

mengutamakan produk tempatan berbanding produk antarabangsa	menjaga nama baik negara ketika berada di luar negara	mengutamakan budaya asal
mampu mengekalkan jati diri walaupun bersaing di peringkat global	menyesuaikan teknologi global dengan teknologi tempatan	menguasai pelbagai bahasa tanpa mengabaikan bahasa ibunda dan bahasa kebangsaan

KEPENTINGAN MENJADI INDIVIDU GLOKAL



KESAN SEKIRANYA INDIVIDU TIDAK BERSIKAP GLOKAL



- (a) mudah terpengaruh dengan budaya luar
- (b) transformasi kemajuan negara akan terjejas
- (c) kepakaran dan kemahiran dalam bidang yang diceburi akan terhad
- (d) sukar bersaing dan berkomunikasi dengan dunia luar
- (e) hilang nilai, etika dan jati diri dalam mengejar arus globalisasi
- (f) kurang mampu menghadapi masalah secara holistik
- (g) sukar menerima kepelbagaiannya sosiobudaya

UNIT 3 KEROHANIAN MEMBENTUK INDIVIDU BERMORAL

Bidang 5 : Insan bermoral

SK 5.3 : Kerohanian membentuk individu bermoral


Cadangan nilai : kepercayaan kepada Tuhan, kasih sayang, bertanggungjawab, baik hati, hormat



KONSEP

Kerohanian merupakan asas dalam kehidupan individu. Elemen kerohanian seperti kebenaran, kedamaian dan kasih sayang menjadi asas dalam pembentukan individu bermoral.

CIRI INDIVIDU YANG MEMPUNYAI NILAI KEROHANIAN



CARA MENINGKATKAN NILAI KEROHANIAN

Menjadikan ajaran agama atau kepercayaan sebagai panduan hidup

- mempelajari dan mengamalkan tuntutan agama atau kepercayaan dalam kehidupan sehari-hari

Menerima kepelbagaiannya bangsa

- menjaga hubungan baik sesama manusia

Melindungi alam sekitar

- menjaga keseimbangan flora dan fauna

Menjalani kehidupan yang benar dari aspek pemikiran, perasaan dan perlakuan

- mengamalkan nilai kerohanian dalam kehidupan

Mintaati ibu bapa

- bersikap baik terhadap ibubapa

Menjauhkan diri daripada gejala negatif

- melakukan aktiviti yang berfaedah

KEPENTINGAN NILAI KEROHANIAN BAGI MEMBENTUK INDIVIDU BERMORAL

Membentuk insan berkeperibadian mulia

- Disayangi dan dihormati oleh orang lain

Mengelakkan individu daripada melakukan perkara ditegah oleh agama

- Hidup lebih harmoni dan sejahtera



Melahirkan individu yang berfikiran rasional

- Keputusan yang dibuat betul dan tepat

Menjadi suri teladan

- Inspirasi kepada orang lain

IMPLIKASI PENGABAIAKAN NILAI KEROHANIAN DALAM INDIVIDU



- a) menjadikan individu bersikap materialistik
- b) menjadikan individu bersikap individualistik
- c) mengubah gaya hidup yang melampaui landasan agama dan kepercayaan
- d) mewujudkan sikap angkuh dan sompong
- e) mengingkari norma masyarakat
- f) mengetepikan nasihat orang tua dan anggota keluarga
- g) mengabaikan sikap berkeperibadian mulia
- h) menjadikan hidup tidak tenteram

UNIT 4 PENGGUNAAN SUMBER DAN PENYEBARAN MAKLUMAT DEMI KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Bidang 5 : Insan bermoral

SK : 5.4 Penggunaan sumber dan penyebaran maklumat demi kesejahteraan sejagat

Cadangan nilai: rasional, kejujuran, berdikari, kebebasan, hormat



KONSEP

Penyebaran maklumat yang sahih dapat menjamin kesejahteraan sejagat. Oleh itu, setiap individu perlulah memastikan maklumat yang diterima dan hendak disebarluaskan itu merupakan maklumat yang sahih serta daripada sumber yang boleh dipercayai.

TATACARA MENGGUNAKAN SUMBER DAN MENYEBARKAN MAKLUMAT

- 1 • Pastikan kesahihan sesuatu maklumat.
- 2 • Dapatkan pengesahan daripada pihak yang berkaitan.
- 3 • Nyatakan sumber rujukan.
- 4 • Sebarkan berita atau maklumat yang tidak menyentuh isu sensitif
- 5 • Elakkan daripada memuat naik isu negatif, kurang sopan atau pornografi melalui laman sosial.
- 6 • Elakkan daripada membuat serangan peribadi terhadap pihak yang lain.
- 7 • Tidak memanipulasikan sesuatu isu untuk kepentingan sendiri.
- 8 • Tidak menokok tambah maklumat atau isi kandungan.
- 9 • Tidak menggodam atau mengeksplorasi maklumat peribadi orang lain.
- 10 • Tidak mencetak atau memplagiat bahan tanpa kebenaran pemilik asal.

CONTOH SUMBER DAN MAKLUMAT YANG SAHIH



Maklumat palsu ialah maklumat yang disebarluaskan tanpa kesahihan serta bukti yang sah. Jika tidak dibendung, penyebarannya boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada masyarakat.

PENGGUNAAN SUMBER DAN PENYEBARAN MAKLUMAT YANG MENGGUGAT KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Menyentuh isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan

- Memberikan pandangan tanpa batasan
- Menokok tambah maklumat yang diterima sehingga menimbulkan konflik perkauman

Menggodam dan menyebarkan maklumat

- Menceroboh maklumat untuk kepentingan peribadi
- Mencipta akaun dan identiti palsu

Menyebarluaskan maklumat palsu dan tidak tepat

- Maklumat yang disampaikan tidak dijamin kesahihannya
- Menyebarluaskan maklumat tanpa kebenaran

Memfitnah dan memburuk-burukkan pihak lain

- Menularkan fitnah dan kata-kata negatif dalam masyarakat
- Menulis komen negatif dalam media sosial

Penyelewengan data atau maklumat

- Mengexploitasi maklumat individu atau organisasi untuk kepentingan diri
- Membocorkan maklumat penting individu atau organisasi

IMPLIKASI PENGGUNAAN SUMBER DAN PENYEBARAN MAKLUMAT YANG MENJEJASKAN KESEJAHTERAAN SEJAGAT

Diri

- Menjatuhkan imej dan reputasi diri
- Terdedah kepada ancaman keselamatan diri
- Mencetuskan konflik diri dan pertengkaran

Masyarakat

- Terpengaruh dengan budaya negatif
- Menggugat perpaduan dan ketenteraman awam
- Menimbulkan konflik dalam masyarakat

Negara

- Risiko keselamatan dan kebocoran maklumat sulit
- Menjejaskan imej dan reputasi negara
- Kesejahteraan negara tergugat

UNIT 5 INTEGRITI PEMACU KECEMERLANGAN ORGANISASI

Bidang 6 : Jati diri moral

SK : 6.1 Integriti organisasi

Cadangan nilai : kejujuran, kerjasama, bertanggungjawab, kebebasan, berdikari



- **Integriti organisasi** bermaksud pematuhan amalan terbaik berdasarkan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses kerja.
- Pematuhan integriti organisasi akan mewujudkan organisasi yang telus dan tidak mudah dipengaruhi oleh pihak yang berkepentingan.

KEPENTINGAN AMALAN INTEGRITI DALAM ORGANISASI

Menunjukkan tingkah laku yang beretika dalam organisasi

- Etika organisasi dipatuhi

Meningkatkan sensitiviti dan akuantabiliti anggota organisasi

- Anggota organisasi yang bertanggungjawab dan komited dapat dilahirkan

Memperoleh keyakinan orang ramai

- Kepuasan pelanggan dapat ditingkatkan

Meningkatkan kecekapan perkhidmatan organisasi

- Visi dan misi organisasi tercapai

Mengekalkan imej kredibiliti dan reputasi organisasi

- Memperoleh pengiktirafan daripada masyarakat

Membentuk budaya kerja berintegriti

- Anggota organisasi yang bersih, cekap dan amanah dapat dibentuk


Memudahkan pengurusan sumber manusia yang berkualiti dalam organisasi

- Anggota organisasi dihargai

Menilai sesuatu kelakuan atau tindakan dengan pertimbangan yang rasional

- Keputusan yang cekap dan pantas dapat diambil

CARA MELAKSANAKAN INTEGRITI DALAM ORGANISASI



IMPLIKASI JIKA AMALAN INTEGRITI DALAM ORGANISASI TIDAK DIPRAKTIKAN

- Pelanggan hilang keyakinan dan kepercayaan terhadap organisasi
- Sikap individualistik mengatasi kerja berapsukan
- Gejala negatif dalam organisasi meningkat
- Mutu kerja atau perkhdimatan merosot
- Menjatuhkan imej sesebuah organisasi
- Mendatangkan kerugian kepada organisasi
- Pelabur hilang kepercayaan terhadap organisasi
- Wujud budaya kerja yang tidak berintegriti dalam organisasi

UNIT 6 PEMBANGUNAN NEGARA BERTUNJANGKAN INTEGRITI

Bidang 6 : Jati diri moral

SK : 6.2 Integriti demi pembangunan negara

Cadangan nilai : kejujuran, kerjasama, bertanggungjawab, kebebasan, berdikari



- **Integriti diri, keluarga dan organisasi** menjadi asas kepada pembangunan negara.
- Integriti mencerminkan ketamadunan bangsa dan negara.
- Kebolehpercayaan terhadap kepimpinan dan pentadbiran negara dipengaruhi oleh amalan integriti dalam diri setiap individu.

CONTOH INTEGRITI DEMI PEMBANGUNAN NEGARA

Pentadbiran

Merealisasikan dasar antirasuah
Menjaga kerahsiaan dan maklumat sulit negara
Mengelakkan penyalahgunaan kuasa, kedudukan atau jawatan

Ekonomi

Menjalankan pendapatan negara mengikut undang-undang
Mengisyiharkan cukai pendapatan secara jujur
Tidak menyalahgunakan harta dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan

Sosial

Tiada pengecualian dalam penguatkuasaan undang-undang
Mematuhi etika organisasi
Melaksanakan tugas dengan telus dan amanah

CARA MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN BERINTEGRITI DEMI PEMBANGUNAN NEGARA

Memupuk integriti dalam setiap sektor pekerjaan

Mematuhi piagam pelanggan

Membayar balik pinjaman

Mematuhi peraturan dan undang-undang

Menjelaskan bayaran cukai

Mengelakkan perbuatan memberi dan menerima rasuah

Menyokong kempen pembangunan negara

KEPENTINGAN INTEGRITI DEMI PEMBANGUNAN NEGARA

Meningkatkan imej negara

- Negara terkenal di persada dunia
- Sektor pelancongan berkembang

Memartabatkan perusahaan kecil dan sederhana

- Perusahaan kecil dan sederhana diiktiraf di pasaran antarabangsa
- Meningkatkan pendapatan perusahaan kecil dan sederhana

Mewujudkan sistem pentadbiran yang telus

- Negara bebas rasuah
- Pentadbiran lebih sistematik
- Meningkatkan kebolehpercayaan dan keyakinan rakyat

Meyakinkan pelabur asing untuk meneruskan pelaburan


- Peluang pekerjaan dan perniagaan meningkat
- Ekonomi negara berkembang pesat

Menegakkan keadilan dalam kalangan rakyat

- Dapat mengelakkan diskriminasi
- Masyarakat lebih harmoni

Malahirkan budaya kerja yang efisien

- Produktiviti kerja meningkat
- Menjadi contoh kepada negara kita



UNIT 7 BERPERIKEMANUSAIAAN PEMANGKIN KESEJAHTERAAN GLOBAL

Bidang 6 : Jati diri moral

SK : 6.3 Berperikemanusiaan ke arah kesejahteraan global

Cadangan nilai : kepercayaan kepada Tuhan, kasih sayang, kerjasama, kesederhanaan, baik hati



Kesejahteraan global

- suasana aman dan makmur dari segi keselamatan, jaminan makanan, kesihatan dan kelestarian global.
- suasana yang harmoni dan tenteram terjalin daripada amalan berperikemanusiaan dalam kehidupan.



CONTOH PERLAKUAN BERPERIKEMANUSIAAN DEMI KESEJAHTERAAN GLOBAL

Sikap kepedulian dan keperihatinan

- Membantu mangsa bencana dan pihak yang memerlukan
- Menyertai misi keamanan dan kemanusiaan
- Memberikan sokongan psikologi dan moral
- Mewujudkan kumpulan sokongan kemanusiaan

Melindungi hak asasi manusia

- Membantu golongan kurang bernasib baik
- Memberikan bantuan keperluan asas dan perubatan
- Menentang pemerdagangan manusia
- Menyantuni setiap individu sebagai manusia

Mencintai keamanan global

- Menyokong dasar dan kempen alam sekitar pada peringkat global seperti kempen yang dianjurkan oleh *World Wide Fund for Nature* (WWF)
- Menentang penggunaan senjata nuklear dan kimia
- Menghalang pemburuan haram dan pemerdagangan haiwan
- Memelihara dan memulihara sumber alam

Mencintai alam sekitar pada peringkat global

- Menyokong dasar dan kempen keamanan sejagat oleh pertubuhan antarabangsa
- Berpendirian teguh dalam mempertahankan isu keamanan
- Menentang diskriminasi berdasarkan gender, warna kulit dan bangsa
- Saling menyayangi antara satu sama lain

KEBAIKAN BERPERIKEMANUSIAAN DEMI KESEJAHTERAAN GLOBAL

► Membantu golongan yang kurang bernasib baik

► Menjalinkan hubungan yang baik dalam masyarakat global

► Menghayati dan mengamalkan nilai universal

► Mengeratkan hubungan antara negara

► Menyemarakkan elemen kemanusiaan sejagat

► Mewujudkan sifat kebersamaan yang bersesuaian dalam masyarakat global

► Menjamin keselamatan dan keharmonian global

KESAN PENGABAIAN SIKAP BERPERIKEMANUSIAAN DEMI KESEJAHTERAAN GLOBAL

Golongan kurang berasib baik dalam terabai

Golongan tersebut dipinggirkan tanpa bantuan sewajarnya

Meluaskan jurang perbezaan antara individu

Manusia akan hilang pertimbangan

Kekejaman dan kezaliman menjadi kebiasaan

Hilang kepercayaan sesama manusia

Hilang perasaan kasih sayang sesama manusia

Individu mengabaikan hubungan sosial

Individu bersikap individualistik dan materialistik

Kelesatarian alam terancam

Kepupusan flora dan fauna

Perubahan suhu dunia yang tidak menentu

Info Tambahan

Sikap berperikemanusiaan dapat membentuk individu ke arah kesejahteraan global.

Setiap individu yang mengamalkan sikap berperikemanusiaan bersedia menjadi masyarakat global yang prihatin dan mengambil berat terhadap perkara yang berlaku di sekelilingnya.

UNIT 8 PENGLIBATAN DIRI PENERAJU KOMUNITI

Bidang 7 : Moral dan kenegaraan

SK : 7.1 Penglibatan diri dalam program komuniti bersama-sama badan kerajaan atau badan bukan kerajaan

Cadangan nilai : patriotisme, berterima kasih, kerjasama, kerajinan, kasih sayang



- Penglibatan diri dalam program komuniti merupakan tindakan sukarela yang memberikan peluang kepada individu untuk memikul tanggungjawab kemasyarakatan.
- Program komuniti dijalankan bersama-sama dengan badan kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan.
- kerjasama ini bukan sahaja memberikan sumbangan dalam pembangunan komuniti setempat, malah membawa perubahan dalam kehidupan setiap anggota masyarakat.

CARA MELAKSANAKAN PROGRAM KOMUNITI



CONTOH PROGRAM KOMUNITI BERSAMA-SAMA DENGAN BADAN KERAJAAN ATAU PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN

- Membaik pulih rumah, pembinaan kemudahan awam serta infrastruktur seperti balai raya, rumah ibdadat dan saliran air

Bantuan fizikal



- Sukarelawan, khidmat nasihat dan program ramah mesra

Bantuan kemanusiaan



- Program inap desa, sistem tagal, perusahaan kecil dan sederhana

Pembangunan pelancongan



- Gotong-royong, penanaman pokok, penempatan haiwan terbiar dan aktiviti kitar semula

Kelestarian alam



- Larian amal dan sukaneka komuniti

Aktiviti riadah



- Menderma organ atau darah, kempen antidadah dan saringan kesihatan

Program kesihatan



KEPENTINGAN MELAKSANAKAN PROGRAM KOMUNITI

-  **Memupuk semangat patriotik dan perpaduan dalam kalangan masyarakat**
 - Penglibatan masyarakat tanpa mengira kaum
-  **Menghargai harta benda, ruang dan fasiliti yang dikongsi bersama**
 - Pengurangan gejala sosial seperti vandalisme
-  **Membina jalinan kerjasama yang berterusan**
 - Mewujudkan semangat kekitaan dan kerja pasukan
-  **Menjadi inspirasi kepada orang ramai untuk melibatkan diri dalam program komuniti**
 - Keyakinan dalam kalangan anggota masyarakat meningkat
-  **Mampu menangani cabaran dalam negara**
 - Menyumbang kepada pembangunan negara
-  **Mengalakkan komuniti supaya lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu program**
 - Program komuniti dapat dilaksanakan dengan jayanya

IMPLIKASI KURANG PENGLIBATAN DALAM PROGRAM KOMUNITI

-  Golongan yang memerlukan bantuan sukar mendapat pembelaan
-  Manusia lebih bersikap individualistik
-  Jurang sosial semakin meluas
-  Kelestarian alam sekitar terabai
-  Sikap prihatin dan timbang rasa dalam kalangan masyarakat berkurangan
-  Beban kerajaan dalam pembangunan komuniti bertambah
-  Hubungan antara masyarakat pelbagai kaum akan semakin renggang

UNIT 9 KERJASAMA MASYARAKAT GLOBAL

Bidang 7 : Moral dan kenegaraan

SK 7.2 : Semangat kerjasama dalam masyarakat global

Cadangan nilai : kerjasama, toleransi, baik hati, harga diri, keberanian




Masyarakat global mempunyai pelbagai perbezaan dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Walaupun terdapat jurang antara negara, setiap pihak masih memerlukan antara satu sama lain. Oleh itu, kerjasama antara masyarakat global penting untuk keharmonian sejagat.


CONTOH KERJASAMA DALAM MASYARAKAT GLOBAL

Pendidikan	<ul style="list-style-type: none">• program pertukaran pelajar• program biasiswa di bawah pertubuhan antarabangsa
Sains dan teknologi	<ul style="list-style-type: none">• program pertukaran kepakaran dalam teknologi perubatan• program pertukaran inovasi produk• perbankan digital
Ekonomi	<ul style="list-style-type: none">• program kerjasama perdagangan antarabangsa• program kerjasama dalam sumber tenaga kerja
Keamanan dan keselamatan	<ul style="list-style-type: none">• program misi bantuan• Hari Keamanan Antarabangsa
Sosial	<ul style="list-style-type: none">• program kerjasama pembangunan sosial serantau• Tahun Melawat ASEAN

CABARAN KERJASAMA DALAM MASYARAKAT GLOBAL



KEPENTINGAN BEKERJASAMA DALAM MASYARAKAT GLOBAL





Kompleks Dayabumi

Tempoh Pembinaan: 1982 – 1984
Perasmian: 5 Mei 1984
Bilangan tingkat: 35 tingkat

Pembinaan melibatkan kerjasama dari segi teknologi dan pengetahuan dengan negara luar.

(Sumber: hids.arkib.gov.my)
 Dicapai pada 19 Ogos 2020

UNIT 10 PENGURUSAN KEWANGAN SECARA BERETIKA MENJAMIN KEHARMONIAN HIDUP


Bidang 7 : Moral dan kenegaraan

SK 7.3 : Pengurusan kewangan secara beretika


Cadangan nilai : kesederhanaan, bertanggungjawab, rasional, berdikari, kerajinan




Pengurusan kewangan merupakan tindakan merancang pendapatan dan perbelanjaan secara berhemat dalam kehidupan harian agar segala keperluan dan kehendak dapat dicapai secara efisien. Pengurusan kewangan secara beretika perlulah dipelajari dan diamalkan oleh setiap individu bagi memastikan sumber kewangan yang diperoleh mengikut peraturan dan undang-undang. Terdapat pelbagai sumber kewangan yang boleh diperoleh secara beretika.



CARA MENGURUS KEWANGAN SECARA BERETIKA



KEPENTINGAN PENGURUSAN KEWANGAN SECARA BERETIKA





UNIT 11 MALAYSIA UNGGUL DI MATA DUNIA

Bidang 7 : Moral dan kenegaraan

SK 7.4 : Meingkatkan pengiktirafan dunia terhadap negara

Cadangan nilai : patriotisme, kerajinan, berdikari, keberanian, hemah tinggi

CONTOH KEJAYAAN MALAYSIA YANG DIBANGGAKAN

BIDANG PERINDUSTRIAN

Industri automobil

- ≈ Kereta tempatan dieksport ke luar negara

Industri pemakanan

- ≈ Rempah-ratus, produk dingin beku menembusi pasaran antarabangsa

Industri pembuatan

- ≈ Teknologi penghasilan sarung tangan

BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI

Sistem satelit komunikasi

- ≈ Malaysia East Asia Satellite (MEASAT)

Program angkasawan negara

- ≈ Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie Bin Sheikh Mustapha terpilih sebagai angkasawan negara pertama di National Aeronautics and Space Administration (NASA)

BIDANG PELANCONGAN

Ekopelancongan yang menarik

- ≈ Pulau, gua, taman rekreasi, kawasan tanah tinggi, hutan simpan

Seni bina yang unik

- ≈ Menara Berkembar Petronas (KLCC), Istana Seri Menanti Negeri Sembilan, Pintasan Saloma

Tapak warian dunia yang diiktiraf oleh *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization* (UNESCO)

- ≈ Taman Negara Kinabalu, Sabah; Taman Negara Mula, Sarawak; Bandar Bersejarah Melaka dan Georgetown, Pulau Pinang; Warisan Arkeologi Lembah Lenggong, Perak

BIDANG PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN

Lapangan terbang bertaraf dunia

≈ Kuala Lumpur International Airport (KLIA)

Sistem jaringan jalan raya yang baik

≈ Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Pantai Timur, Jambatan Pulau Pinang

Sistem pengangkutan bertaraf dunia

≈ *Mass Rapid Transit (MRT), Light Rapid Transit (LRT), Express Rail Link (ERL)*

BIDANG KESUKANAN

Malaysia menjadi tuan rumah

≈ Sukan Komanwel, Sukan SEA, Piala Monsun, Grand Prix Formula 1

Melahirkan juara dunia

≈ Badminton, skuasy, renang, paralimpik

Litar lumba bertaraf antarabangsa

≈ Litar Antarabangsa Sepang, Velodrom Nasional Malaysia



Mohd Faiz Subri

Pemain bola sepak negara pertama memenangi Anugerah FIFA Puskas



Datuk Lee Chong Wei

Pemain badminton no 1 negara dan dunia



Pandelela Rinong

Atlet wanita negara pertama merangkul pingat gangsa sukan olimpik dalam acara terjunan air

Datuk Nicol Ann David

Ikon dalam sukan skuasy



Muhammad Ziyad Zolkefli

Mencipta rekod baharu dunia paralimpik dalam lontar peluru



Azizul Hasni Awang

Menangi kejuaraan lumba basikal dunia





CABARAN UNTUK MENGHARUMKAN NAMA NEGARA DI PERSADA DUNIA

- | | |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> kekurangan pakar dalam bidang kritikal | <input type="checkbox"/> penyebaran maklumat palsu tentang negara |
| <input type="checkbox"/> kekurangan kemudahan dan infrastruktur dalam sesuatu bidang | <input type="checkbox"/> sumber kewangan terhad |
| <input type="checkbox"/> teknologi yang terhad | <input type="checkbox"/> tidak bekerjasama dan bersikap individualistik |
| <input type="checkbox"/> perbezaan budaya dan bahasa antara negara | <input type="checkbox"/> kurang sikap kepedulian dan sikap jati diri |
| <input type="checkbox"/> terlalu mengagungkan jenama luar negara | <input type="checkbox"/> pemikiran masyarakat yang kurang berdaya maju |

KEPENTINGAN MENGHARUMKAN NAMA NEGARA DI PERSADA DUNIA

- ekonomi terus berkembang
- berpotensi menarik minat pakar dari negara luar
- industri import dan eksport akan membangun dengan pesat
- hubungan diplomatik antara negara kukuh
- status dan imej negara mudah dikenali
- pengiktirafan antarabangsa terhadap kepakaran dalam negara
- sumber rujukan kepada negara luar dalam pelbagai bidang
- penglibatan lebih ramai pelabur asing
- pembangunan infrastruktur negara lebih pesat
- kehadiran pelancong asing akan meningkat

UNIT 12 MALAYSIA DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA

Bidang 7 : Moral dan kenegaraan

SK 7.5 : Malaysia dalam hubungan antarabangsa

Cadangan nilai : hormat, bertanggungjawab, keberanian, kerjasama, berterima kasih



Hubungan antarabangsa bermaksud pertalian dan interaksi antara negara di dunia. Hubungan antarabangsa juga meliputi interaksi antara negara dan organisasi antarabangsa, syarikat multinasional dan pertubuhan bukan kerajaan. Dalam konteks Malaysia, hubungan antarabangsa merupakan usaha memupuk kesefahaman antara negara dengan negara lain untuk memenuhi keperluan dan memelihara kepentingan negara demi kemakmuran sejagat.

PERTUBUHAN ANTARABANGSA YANG DISERTAI MALAYSIA



Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)



Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)



Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)/ United Nations (UN)



Komanwel




Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)



Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

HUBUNGAN DUA HALA ANTARA MALAYSIA DENGAN NEGARA LUAR



KEPENTINGAN MENGEKALKAN HUBUNGAN

Pendidikan	<ul style="list-style-type: none">• mempelbagaikan inovasi pendidikan• meningkatkan kualiti pendidikan bertaraf dunia• menubuhkan institusi pendidikan antarabangsa
Sains dan teknologi	<ul style="list-style-type: none">• meamstikan kemajuan teknologi negara setanding dengan negara luar melalui pertukaran teknologi• meningkatkan keupayaan negara dalam bidang perubatan seperti penghasilan vaksin
Ekonomi	<ul style="list-style-type: none">• meningkatkan ekonomi negara• mempebagaikan sumber ekonomi• membuka peluang pekerjaan
Keselamatan	<ul style="list-style-type: none">• membina hubungan dunia yang selamat• membanteras jenayah antarabangsa• menjamin keamanan negara
Politik	<ul style="list-style-type: none">• memelihara kedaulatan negara• membanteras kegiatan jenayah dan keganasan• meningkatkan imej negara



INFO TAMBAHAN

Dasar luar negara bertujuan untuk melindungi kedaulatan dan kepentingan negara serta menyumbang secara adil dan saksama melalui perhubungan diplomasi yang efektif. Malaysia juga berpegang teguh dengan prinsip penglibatan bersama dan kerjasama serta menolak sikap pemencilan dan tindakan sebelah pihak (unilateral).

(Sumber: Kementerian Luar Negeri)